

## Pemfailan harta intelek UMS meningkat 300 peratus dalam tempoh 2 tahun

**UB 10.03.2023 P.03**

**KOTA KINABALU:** Pemfailan harta intelek Universiti Malaysia Sabah (UMS) meningkat sebanyak 300 peratus dalam tempoh dua tahun sejak 2021.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr Kasim Hj. Mansor berkata, peningkatan itu seiring dengan penubuhan Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan (PIIP) pada April 2021 yang menyaksikan pemfailan meningkat daripada 42 kepada 150 harta intelek.

“Kita juga telah berjaya mengkomersialkan dua inovasi pada tahun 2022 melalui Perlesenan Harta Intelek iaitu *Modular Water Treatment System for Removal of Heavy Metals Integrated with Open Platform Communication (OPC) Online Monitoring*, dan *Residual Oil Extractor*.”

“Pengkomersialan kedua-dua reka cipta yang masing-masing dihasilkan Profesor Ir. Dr. Rosalam Hj. Sarbatly, dan Profesor Madya Dr. Jidon @ Adrian Janaun ini

telah membawa pendapatan sebanyak RM30,000 kepada universiti,” katanya ketika menyampaikan Amanat Naib Canselor 2023, di sini.

Beliau berkata, UMS membuka ruang kepada semua warga universiti termasuklah pensyarah, guru, kakitangan pentadbiran, dan pelajar untuk terlibat menghasilkan inovasi yang boleh menjana harta intelek yang seterusnya dapat dikomersialkan.

“Beberapa inisiatif baharu juga akan diperkenalkan bagi memperkukuhkan aktiviti penyelidikan dan meningkatkan keterlihatan UMS dalam penyelidikan.

“PIIP juga telah menghasilkan profil produk dan laman web untuk meningkatkan pemasaran dan keterlihatan semua produk dan harta intelek UMS,” ujar Dr. Kasim.

Dalam pada itu, beliau turut mengumumkan sekurang-kurangnya dua dasar akan dilaksanakan universiti itu pada tahun 2023.

“Universiti sedang merangka Dasar Penubuhan Syarikat *Spin-off* dan Syarikat *Start-up* bagi menggalakkan dan memacu budaya keusahawanan dalam kalangan warga universiti, yang seterusnya menyumbang kepada penghasilan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Sabah, dan Malaysia.

“Universiti juga sedang merangka Dasar Perundingan bertujuan untuk merencanakan lagi penggunaan kepakaran warga universiti untuk menjana pendapatan kepada universiti.

“Pada masa yang sama, universiti juga akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah khususnya melalui Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi Sabah (KSTI) untuk menubuhkan Unit Incubation Hub bagi melahirkan lebih banyak Syarikat *Spin-off* dan Syarikat *Start-up* yang menyumbang kepada pendapatan universiti serta penghasilan syarikat SME,” katanya.